

Untuk Siaran Segera



PEMBANGUNAN BANDAR PR1MA TELUK INTAN : INISIATIF PEMBANGUNAN BERSEPADU PERTAMA DI MALAYSIA

TELUK INTAN, 14 JUN – YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan dan melaksanakan upacara pecah tanah bagi projek Bandar PR1MA Teluk Intan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Projek Bandar PR1MA merupakan inisiatif pembangunan bersepadu pertama oleh PR1MA, direka bentuk untuk mempromosikan kehidupan yang mesra alam dan inklusif, serta memenuhi keperluan keluarga moden. Terletak di atas tanah seluas lebih 140 ekar milik PR1MA, projek ini adalah yang terbesar setakat ini. Ia mengandungi komponen-komponen pembangunan seperti taman perumahan, pusat komersial, taman rekreasi, serta pelbagai kemudahan komuniti. Selain menyediakan lebih daripada 1,500 unit kediaman berfasa, projek ini juga akan dilengkapi pelbagai kemudahan komuniti seperti dewan serbaguna, masjid, tadika dan taska, serta taman rekreasi berpusat (*central park*). Pemandangan tasik dan landskap panoramik serta ruang aktiviti yang dikelilingi trek pejalan kaki dan premis perniagaan dijangka akan turut menjadi nilai tarikan utama projek ini.

Ciri-ciri komprehensif ini menghasilkan satu pembangunan dan komuniti yang inklusif bagi meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat, berlandaskan prinsip *Environmental, Social & Governance (ESG)*. Selain itu, penekanan ESG juga diterapkan dalam konsep landskap Bandar PR1MA Teluk Intan di mana spesis tempatan dan kawasan hijau sebagai “*green nodes*” yang terdapat di keseluruhan pembangunan untuk menggalakkan biodiversiti dan memelihara ekosistem tempatan, sekaligus mengekalkan landskap semula jadi di kawasan ini.

Selain itu, pembangunan ini akan turut dilengkapi teknologi rumah pintar (*smart home*) selari dengan usaha KPKT untuk mewujudkan Bandar Pintar sebagai inisiatif strategik bagi menangani cabaran utama dalam menjadikan bandar-bandar di Malaysia lebih produktif, berdaya saing, mampan, dan sesuai didiami untuk generasi masa kini dan masa depan.

“Projek Bandar PR1MA ini bakal menjadi mercu tanda bukan sahaja untuk penduduk Teluk Intan, malah seluruh Malaysia kerana ia akan menjadi tanda aras baharu dalam perubahan landskap perumahan di Malaysia dengan pembangunan projek-projek Bandar PR1MA yang lain pada masa hadapan. Dengan adanya majlis pecah tanah Bandar PR1MA Teluk Intan serta penyerahan dokumen MOU hari ini, kita dapat menyaksikan permulaan fasa yang baharu dalam usaha kerajaan untuk menyediakan perumahan mampu milik yang moden dan mampan serta terletak dalam komuniti yang merangkumi semangat Malaysia MADANI,” kata YB Tuan Nga Kor Ming.

“Saya berharap, semua pihak akan terus bekerjasama dengan KPKT demi merealisasikan impian rakyat Malaysia untuk memiliki rumah mampu milik yang berkualiti tinggi, selesa, dan mampan di dalam komuniti yang sejahtera secara fizikal, sosial dan rohani,” tambah beliau.

Projek Bandar PR1MA ini merupakan salah satu usaha PR1MA untuk terus membolehkan rakyat menikmati kediaman yang berkualiti dalam komuniti yang lestari dan mampan, selari dengan fokus utama Ekonomi MADANI untuk membangunkan masyarakat sejahtera.

“Bandar PR1MA Teluk Intan ini adalah sebahagian daripada program PR1MA untuk menyediakan 37,526 unit rumah baharu menjelang 2029 bagi menyokong agenda perumahan negara. PR1MA amat berterima kasih dengan sokongan dan kerjasama daripada KPKT, Kerajaan Negeri Perak, Pihak Berkuasa Tempatan serta semua pihak berkepentingan untuk menjayakan projek ini”, kata YBhg Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan merangkap Anggota Perbadanan PR1MA.

“Tujuan penubuhan PR1MA bukan sahaja untuk membina rumah mampu milik, tetapi juga untuk membentuk komuniti moden dan inklusif. Ini termasuk menyediakan

kemudahan yang mampu membina suasana komuniti yang selesa dan harmoni. Konsep MADANI menjadi landasan utama untuk mencapai matlamat jangka panjang PR1MA untuk menyediakan perumahan mampu milik bagi seluruh rakyat Malaysia. Justeru, Bandar PR1MA bakal menjadi mercu tanda baharu di Teluk Intan dengan gaya hidup moden dan mampan, dengan kediaman-kediaman yang berkualiti tinggi, berdaya huni tinggi, dan infrastruktur mesra alam,” tambahnya lagi.

Majlis ini juga menyaksikan sesi penyerahan dokumen Memorandum Persefahaman (MOU) antara PR1MA dengan Cagamas Berhad berkaitan penyelesaian pembiayaan perumahan, termasuk pembiayaan hijau, khususnya untuk memenuhi keperluan pembeli rumah bagi semua projek PR1MA. Manakala penyerahan MOU lain melibatkan Bank Muamalat Malaysia Berhad, MBSB Bank Berhad, Bank Simpanan Nasional, Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad, dan Affin Islamic Bank Berhad menawarkan pinjaman kewangan holistik yang akan memberi penyelesaian kewangan bukan sahaja kepada para pembeli kediaman PR1MA tetapi juga bertujuan untuk pembangunan projek PR1MA yang akan datang. Ini bakal memudahkan para pembeli mendapatkan pembiayaan kediaman PR1MA serta menarik minat bakal pemaju dan pembekal untuk bekerjasama dalam projek pembangunan di masa hadapan.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Perspective Strategies

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

PR1MA

Khairul Faizi Dalaiil (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)